

UPM terbitkan album nasyid Nahwan Nur

BANGI - Buat julung-julung kalinya, Universiti Putra Malaysia (UPM) menerbitkan album nasyid yang menampilkan artis rakaman daripada universiti tersebut.

Kumpulan nasyid Nahwan Nur dibarisi Adidi Tamim, 34; Muhamad Hasif Mansor, 25; Mohd. Nashriq Ramli, 24, dan Nazim Zulkifle,

Aididi dan Muhamad Hasif merupakan alumni UPM manakala Mohd. Nashriq dan Nazim masih menuntut.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Dr. Mohd. Roslan Sulaiman berkata, keputusan untuk menerbitkan album berkenaan sebagai cara untuk mengetengahkan bakat pelajar dan alumni.

"Kita tidak mahu dilihat hanya memberi fokus kepada akademik semata-mata tetapi turut membuktikan kebolehan pelajar dalam bidang seni.

"Menerusi nasyid, mereka juga boleh menjadi

ikutan pelajar menerusi wadah yang di ketengahkan," katanya ketika ditemui pada majlis iftar media bersama pemimpin pelajar UPM di Hotel RHR di sini baru-baru ini.

Pada majlis itu, Mohd Roslan turut melancarkan album Nahwan Nur yang bertajuk *Dia Ada*.

Album terbitan Inteam Records dengan kerjasama komposer Yasin Sulaiman itu memuatkan lagu *Dia Ada*, *Hawa Khatulistiwa* dan *Dunia Si Kecil*.



MOHD. ROSLAN (depan, dua dari kiri) bersama ahli-ahli nasyid Nahwan Nur menunjukkan album kumpulan itu yang dilancarkan di Bangi baru-baru ini